

**TRANSFORMASI DAN DINAMIKA POLITIK ELIT
DI PERLIS, KURUN KE 19 SEHINGGA 1970-AN**

AZWAN BIN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**TRANSFORMASI DAN DINAMIKA POLITIK ELIT
DI PERLIS, KURUN KE 19 SEHINGGA 1970-AN**

oleh

AZWAN BIN AHMAD

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi Keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2016

PENAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

9 SYAWAL 1437
15 APRIL 2016

AZWAN BIN AHMAD
P-OD007/11/1/(R)

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala pujian bagi ALLAH SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan keluarga, para sahabat dan para pejuang yang banyak berkorban demi menegakkan Islam di muka bumi ini.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan rahmat dan kurniaNYA saya telah diberikan kekuatan dan kesungguhan untuk menyelesaikan tesis doktor falsafah sejarah ini.

Dalam kesempatan ini penyelidik ingin merakam ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga khas kepada Dr. Azmah Abdul Manaf, selaku penyelia tesis doktor falsafah ini yang telah banyak meluangkan masa, memberi tunjuk ajar serta bimbingan di sepanjang proses menyiapkan penulisan sejarah ini. Dalam kesempatan ini juga penyelidik ingin memberikan penghargaan kepada semua pihak yang turut terlibat memberikan bantuan dan pandangan bagi menyiapkan tesis doktor falsafah yang berjudul Sejarah Melayu Perlis 1930 – 1970an : Politik dan Pentadbiran.

Penghargaan dan terima kasih kepada ayahanda Ahmad bin Daud yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan al fathihah buat Allahyarhamah Fatimah binti Said, ibunda tercinta yang telah kembali kerahmatullah kerana selama hayatnya selalu mendoakan kebahagiaan buat saya.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada keluarga tercinta khasnya isteri tersayang Latipah binti Haji Ibrahim serta anak-anak yang amat memahami kesibukan penyelidik ketika menyiapkan tesis ini.

ISI KANDUNGAN

Pengakuan	
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Singkatan	vii
Senarai Gambar Rajah	viii
Senarai Lampiran	ix
Abstrak	xi
Abstract	xiii
Peta Perlis 1936	xv
Peta Perlis 1938	xvi

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	5
1.2	Objektif Kajian	10
1.3	Permasalahan Kajian	13
1.4	Metodologi	15
1.5	Pembahagian Bab Kajian	18
1.6	Skop Kajian	20
1.7	Kepentingan Kajian	22

1.8	Konsep Elit dan Elit Melayu	24
1.9	Sorotan Ringkas Mengenai Perlis	36
1.9	Kesimpulan	45

BAB 2 : POLITIK PENDUKUNG RAJA (ABAD KE-16 HINGGA ABAD KE-19)

2.0	Pengenalan	48
2.1	Perlis Di Bawah Kesultanan Kedah	49
2.2	Pemisahan Perlis dari wilayah Kedah	58
2.3	Pemerintahan Keluarga Jamalullail	65
2.4	Perlis di bawah pengaruh British 1909 – 1930	82
2.5	Kesimpulan	94

BAB 3 : POLITIK PENJAJAHAN DAN PENGUKUHAN PENGARUH ELIT BIROKRAT

3.0	Pengenalan	99
3.1	Perjanjian Perlis British 1930 : Pengukuhan Kuasa Elit Melayu dan Peningkatan Kawalan British	102
3.2	Ekonomi, Pendidikan dan Kesedaran Politik Melayu Perlis Sebelum Perang Dunia Ke-2.	132
3.3	Pendudukan Jepun : Kemerosotan Pengaruh Elit Melayu	149
3.4	Perlis di Bawah Pemerintahan Thai : Pemulihan Kuasa Raja dan Elit Melayu	163
3.5	Kesimpulan	172

BAB 4 : POLITIK ANTI KOLONIALISME : PERSATUAN POLITIK (1945 – 1948)

4.0	Pengenalan	177
4.1	Tempoh Peralihan Pentadbiran : Penguasaan Bintang Tiga / MPAJA dan Tindak Balas British (BMA)	179
4.2	Malayan Union dan Kelahiran Persatuan Politik	197
4.3	Kesimpulan	229

BAB 5 : KELAHIRAN PARTI POLITIK PERLIS : PAS DAN UMNO (1948-1950an)

5.0	Pengenalan	234
5.1	Cadangan Persekutuan Tanah Melayu 1948 : Perpecahan Gerakan Politik Melayu dan Kemerosotan PKMM Perlis.	236
5.2	Kelahiran UMNO Bahagian Perlis	247
5.3	Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Kepimpinan UMNO dalam Pentadbiran Kerajaan Perlis.	260
5.4	Kelahiran PAS Perlis	272
5.5	Perjuangan PAS Perlis Sehingga 1957	285
5.6	Kesimpulan	292

BAB 6 : POLITIK PILIHAN : PERKEMBANGAN DAN PERSAINGAN UMNO – PAS (1955 – 1970an)

6.0	Pengenalan	297
6.1	Pilihan raya 1955 - 1964 : PAS Menapak Membuka Langkah Menyaingi UMNO	298
6.1.1	Pilihan raya 1955	300
6.1.2	Pilihan raya 1959	313

6.1.3	Pilihan raya 1964	325
6.2	Pilihan raya 1969 : Kemuncak Pengaruh PAS dan Pembentukan Kerajaan Campuran	340
6.3	Pilihan raya 1974 dan 1978 : BN dan Kemerosotan Pengaruh PAS Perlis	364
6.4	Kesimpulan	375
BAB 7 : KESIMPULAN		379
BIBLIOGRAFI		398
LAMPIRAN		422

SENARAI SINGKATAN

AMCJA	<i>All Malayan Council Of Joint Action</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	British Military Administration
BN	Barisan Nasional
KMM	Kesatuan Melayu Muda
<i>JSEAS</i>	<i>Journal of Southeast Asian Studies</i>
<i>JMBRAS</i>	<i>Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
MATA	Majlis Agama Tinggi SeMalaya
<i>MBRAS</i>	<i>Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPAJA	<i>Malayan People's Anti-Japanese Army</i>
PAS	Parti Islam SeMalaya
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMPs	Persatuan Melayu Perlis
PN	Parti Negara
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>

SENARAI GAMBAR RAJAH

	HALAMAN
GAMBAR RAJAH 1 : SALASILAH KELUARGA JAMALULLAIL RAJA NEGERI PERLIS	79
GAMBAR RAJAH 2 : SALASILAH KELUARGA JAMALULLAIL DAN HUBUNGAN DENGAN PERSATUAN TUAN BULAT	113

SENARAI LAMPIRAN

	HALAMAN
LAMPIRAN 1 SALASILAH KELUARGA JAMALULLAIL	422
LAMPIRAN 2 <i>COPY OF SULTAN MUHAMMED JIWA'S GRANT TO THE EAST INDIA COMPANY, DATE 19Th APRIL 1772</i>	423
LAMPIRAN 3 SURAT TANDA JANJI SIR GEORGE LEE RAJA KEDAH	424
LAMPIRAN 4 LAPORAN POLIS MENGENAI PERSATUAN TUAN BULAT	427
LAMPIRAN 5 LAPORAN BERKENAAN ASAL USUL PERSATUAN SULIT TUAN BULAT	429
LAMPIRAN 6 <i>WAR DAIRY SHEIKH AHMAD</i>	431
LAMPIRAN 7 SURAT PERINGATAN KEBIMBANGAN KEHILANGAN TANAH OLEH PENDUDUK KAMPUNG OLEH PEGAWAI TANAH DAN GALIAN PERLIS	446
LAMPIRAN 8 SENARAI JAWATANKUASA KEPIMPINAN PERSATUAN MELAYU PERLIS PADA 19 FEBRUARI 1946	447
LAMPIRAN 9 JAWATANKUASA KEPIMPINAN KAUM IBU PERLIS PADA TAHUN 1946	448
LAMPIRAN 10 ANGGOTA MAJLIS MESYUARAT NEGERI PERLIS TAHUN 1948	449
LAMPIRAN 11 AHLI JAWATANKUASA PAS PERLIS PADA TAHUN 1953	450
LAMPIRAN 12 TEKS UCAPAN YANG DITULIS CIKGU MELOR SEMPENA KEDATANGAN DATO' ONN KE PERLIS PADA TAHUN 1946	451

LAMPIRAN 13 SURAT CIKGU ANWAR KAMAL KEPADA USTAZ ABU BAKAR BAKIR	456
LAMPIRAN 14 MANDAT PKMM KEPADA IBRAHIM YAAKOB	457
LAMPIRAN 15 SIJIL PERGURUAN	458
LAMPIRAN 16 NASKAH TEKS KHUTBAH ABU BAKAR ASSHAARI	459
LAMPIRAN 17 AKHBAR MAJLIS	460
LAMPIRAN 18 AKHBAR WARTA NEGARA	461
LAMPIRAN 19 GAMBAR DATO' SHEIKH AHMAD	462
LAMPIRAN 20 GAMBAR CIKGU MELOR ISMAIL DAN KAUM IBU PERLIS	463
LAMPIRAN 21 MESYUARAT PENUBUHAN PAS PADA TAHUN 1952	464
LAMPIRAN 22 GAMBAR HAJI ADNAN ABDULLAH DAN HAJI JOHARI	465
LAMPIRAN 23 GAMBAR AHMAD BIN LONG, YAHYA BAGINDA DAN USTAZ MAHAMOOD MOHD NOR	466
LAMPIRAN 24 PEKAN KANGAR 1966	467
LAMPIRAN 25 KEPUTUSAN PILIHAN RAYA 1955 HINGGA 1978	468

**TRANSFORMASI DAN DINAMIKA POLITIK ELIT DI PERLIS,
KURUN KE 19 SEHINGGA 1970-AN.**

ABSTRAK

Penulisan tesis ini bertujuan untuk melihat transformasi dan dinamika elit Melayu dalam politik dan pentadbiran di Perlis sejak abad ke-19 sehingga tahun 1970an. Kajian ini juga bertujuan menganalisis sejauh manakah pengaruh dan penglibatan elit Melayu dalam politik dan pentadbiran serta peranan mereka dalam membangunkan kesedaran politik anti kolonial sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua. Penyelidik telah menjalankan kajian kepustakaan dengan menganalisis sumber-sumber dari rekod John Hamer, fail SUK Perlis, fail Pejabat Kolonial British, catatan tokoh dan laporan akhbar. Analisis dilakukan oleh penyelidik untuk melihat sejauh manakah hubungan “tradisi taat setia” orang Melayu terhadap raja dan kepimpinan elit Melayu mempengaruhi kesedaran politik dan nasionalisme dalam masyarakat Melayu Perlis. Dalam menjelaskan hubungan ini, penyelidik merujuk kepada sejarah kemunculan kerajaan Perlis dan mengkaji bagaimana golongan elit Melayu memperoleh pengaruh dan kedudukan dalam pentadbiran kerajaan Perlis sehingga mereka begitu “dihormati” oleh masyarakat Melayu. Perjanjian Perlis British 1930 secara signifikan telah menyebabkan golongan elit Melayu begitu berpengaruh dalam pentadbiran kerajaan Perlis. Malahan penglibatan mereka dalam gerakan Islah menyebabkan gerakan ini “terkawal,” dan tiada doktrinasi politik ke arah membenci pentadbiran British. Dapatan kajian juga membuktikan wujud kesedaran politik anti kolonial dalam masyarakat Melayu Perlis selepas Perang Dunia Kedua apabila lahir pertubuhan seperti PMPs, PKMM, PAS dan UMNO yang merupakan organisasi politik yang menyusun gerak kerja membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu menentang

penjajah. Disertasi ini juga cuba melihat persaingan dua parti politik orang Melayu yang dominan di negeri Perlis iaitu UMNO dan PAS yang berbeza ideologi dan latar belakang kepimpinan. Pilihan raya merupakan instrumen pengukuran yang digunakan dalam mengukur pengaruh dan kekuatan kedua-dua parti. Manifesto pilihan raya, kempen-kempen politik dan faktor kepimpinan elit Melayu diperbahaskan dalam menjelaskan perkembangan kedua-dua parti politik tersebut.


**TRANSFORMATION AND DYNAMICS OF POLITICAL ELITE IN PERLIS,
19th CENTURY UNTIL THE 1970s.**

ABSTRACT

This thesis aims to see the transformation and the dynamics of Malay elites in politics and administration in Perlis since the 19th century until the 1970s. The study also aims to analyze the extent of the influence and involvement of the Malay elite in politics and administration as well as their role in the development of anti-colonial political awareness before and after the Second World War. The researcher has conducted a library research by analyzing the records from John Hamer, Perlis State Secretary files, British Colonial Office files, figures, notes and newspaper reports. The analysis was conducted by the researcher to determine how the "tradition of loyalty" of the Malays towards the king and the Malay elite leadership would influence political consciousness and nationalism in the Malay community in Perlis. In explaining this relationship, the researcher refers to the history of the emergence of the Perlis government and examines how the Malay elites gained influence and positions in the Perlis government administration until they were so "honored" by the community. The British Perlis agreement in 1930 significantly had led the Malay elite to become so influential in the Perlis government's administration. In fact, their involvement in the Islah movement led it to be "under control" and there was no doctrinal politics in despising the British administration. Findings also demonstrate a significant anti-colonial political awareness in the Malay community in Perlis after the World War II with the emergence of the organizations such as PMPs, PKMM, PAS and UMNO which were the political organizations that contributed to the awareness of the


community against the colonial rule. This dissertation also tries to see the rivalry of two dominant Malay political parties in the state of Perlis, namely UMNO and PAS that have different ideological backgrounds and leaderships. Election used to measure the influence and power of both parties Election manifests, political campaigns and the Malay elite leadership are factors debated in explaining the development of both political parties.

PETA PERLIS 1936



SUMBER : REPORT ON THE SOSIAL AND ECONOMIC PROGRESS OF THE PEOPLE OF THE STATE OF PERLIS FOR THE YEAR 1936, Kedah Govt. Press, Alor Setar, 1938.

PETA PERLIS PADA TAHUN 1938



SUMBER : KOLEKSI INDERA KAYANGAN, PERPUSTAKAAN AWAM PERLIS

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perlis Darul Sunnah atau dahulunya disebut Perlis Indera Kayangan merupakan negeri yang mempunyai latar belakang sejarah yang unik dan istimewa. Keunikannya bukan sahaja kerana negeri ini merupakan negeri yang terkecil dan “serpihan” daripada negeri Kedah tetapi kerana ia satu-satunya negeri yang menggunakan gelaran “raja” bagi ketua negeri dan bukannya gelaran sultan yang lebih signifikan bagi negeri-negeri Melayu. Walaupun menggunakan gelaran raja, bukanlah bermakna bahawa taraf ketua negeri Perlis lebih rendah berbanding dengan negeri Melayu lain, kerana Raja Perlis juga boleh dilantik sebagai Yang Dipertuan Agung Malaysia. Raja negeri Perlis merupakan Yang Dipertuan Agung yang ketiga bagi Persekutuan Malaysia.¹

Mengkaji sejarah negeri Perlis seumpama memisahkan batu-batu putih daripada beras, di mana batu-batu putih itulah sumber bagi sejarah Perlis, sedangkan beras merupakan sumber bagi sejarah Kedah. Pengkaji-pengkaji sejarah Perlis seperti Yazid Mat, Julie Tang Su Chin, Mohd Isa Othman dan Zahari Hj. Adam merujuk kepada sejarah negeri asalnya iaitu Kedah dalam menulis sejarah negeri Perlis. Hal ini terjadi kerana sejarah Perlis adalah sebahagian daripada sejarah negeri Kedah dan tidak banyak sumber pertama tempatan yang boleh dikaji. Tambahan pula, Khoo Kay Kim pernah berkata

¹ Al-Marhum Tuanku Syed Putra Ibnu Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail merupakan Raja Perlis yang ke-5 (ke 6 jika mengambil kira perlantikan Raja Syed Hamzah Jamalullail pada zaman Jepun) telah dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agung ke-3 pada 21 September 1960 hingga 20 September 1965.

bahawa “...tetapi malangnya bagi kita, sejarah negeri Perlis masih perlu lagi dituliskan.”²

Walaupun rungutan tersebut pada tahun 1971, tetapi sebenarnya sejarah negeri Perlis sehingga sekarang amat kurang dikaji dan ditulis.

Penulisan sejarah Perlis berkisar dalam lingkungan pembentukan kerajaan Perlis dan gerakan Islah yang terpisah daripada gerakan politik dan nasionalisme yang menjadi tunjang kepada kemerdekaan negara dan sistem pemerintahan. Kajian Julie Tan dan Yazid Mat memfokuskan kepada pembentukan kerajaan Perlis dan berakhir pada tahun 1957. Tiada perbincangan mengenai gerakan politik di negeri Perlis atau perjuangan menuntut kemerdekaan. Begitu juga kajian oleh Abdul Rahman dan Shukur Mat yang membincangkan mengenai perkembangan gerakan Islah di Perlis. Tumpuan kajian mereka hanya dalam lingkungan persoalan pertentangan idea antara Kaum Muda dan Kaum Tua yang berhubung kait dengan persoalan khilafiah dalam ajaran Islam dan perkembangan aliran Kaum Muda di negeri Perlis. Sementara kajian Mohd Isa Othman berkisar kepada pentadbiran kerajaan Perlis semasa zaman penjajahan British yang dikaji bersama negeri Kedah.

Perkembangan politik Perlis dalam tempoh kurun ke-19 hingga tahun 1970-an belum pernah ditulis oleh mana-mana penyelidik, sungguhpun telah wujud kesedaran berpersatuan di Tanah Melayu sekitar tahun 1930-an dan 1940-an. Seperti negeri Melayu yang lain, telah ada pengaruh gerakan Islah di negeri Perlis terutamanya sekitar tahun 1930-an yang memberi kesan kepada sistem pemerintahan negeri Perlis sehingga hari ini. Gerakan Islah Perlis digerakkan oleh elit Melayu Perlis seperti Sheikh Ahmad, Wan Ahmad dan Haji Ahmad bin Muhammad. Malahan, selepas Perang Dunia Kedua, telah

² Lihat Zainal Abidin Abd Wahid. “*Sejarah Malaysia Sa-Pintas Lalu*,” Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971. Pada buku ini terdapat artikel berjudul, “Semenanjung Tanah Melayu Pada Kurun Yang Kesembilan Belas” ditulis oleh Profesor Emeritus Khoo Kay Kim, hlm 81.

muncul pertubuhan-pertubuhan seperti Persatuan Melayu Perlis (PMPs) dan Persatuan Benet Nibong yang bersifat kenegerian. Selain itu, telah ada cawangan pertubuhan politik yang bersifat kebangsaan di negeri Perlis seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Parti Islam Se-Malaya (PAS), *United Malays National Organization* (UMNO) dan Parti Negara yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Semua pertubuhan politik tersebut diusahakan oleh kumpulan elit Melayu Perlis sama ada yang berpendidikan barat, Melayu atau keagamaan.

Sebenarnya, perkembangan kesedaran berpersatuan dan berpolitik yang berlaku di Tanah Melayu sekitar tahun 1930-an dan 1940-an terutamanya di negeri-negeri Melayu Semenanjung tentunya mempengaruhi penduduk dan pemerintah di negeri Perlis. Misalnya pada tahun 1934 telah ditubuhkan Persatuan Sahabat Pena (PASPAM),³ Persatuan Melayu Perak (PMPK)⁴ pada tahun 1937, Persatuan Melayu Pahang (PMPG)⁵ pada tahun 1938 dan Persatuan Melayu Selangor (PMS)⁶ pada tahun 1939. Di negeri jiran Perlis iaitu Kedah telah ditubuhkan SABERKAS, Kesatuan Melayu Kedah (KMK), Persatuan Ulama Kedah (PUK), dan Persatuan Pemuda Melayu Kedah (PPMK)⁷ sekitar tahun 1940-an. Jelasnya, telah wujud kesedaran untuk berpersatuan dan berpolitik dalam kalangan penduduk negeri Melayu untuk memajukan pendidikan dan ekonomi serta menentang penjajahan British. Keadaan ini memperlihatkan timbulnya kesedaran dalam kalangan penduduk negeri-negeri Melayu sekitar tahun 1930-an bahawa bangsa Melayu masih mundur dalam bidang

³ Kepentingan PASPAM ialah mengadakan beberapa persidangan bersifat kebangsaan iaitu menyatukan para peserta terdiri daripada orang Melayu yang datang dari seluruh Malaya. Di persidangan itu ahli-ahli berpeluang membincangkan masalah bersama dan mencari penyelesaian masalah itu. Lihat Maymon Arif, "Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930-an," dalam *Jebat*, vol 03-04, 1973. hlm 40-49.

⁴ Antara Matlamat PMPK ialah menggalakkan kerjasama antara ahli dan meninggikan taraf pelajaran dan ekonomi, *Ibid*.

⁵ Berbeza dengan PMPK, pengasas PMPG terdiri daripada golongan bangsawan dan raja.

⁶ PMS tidak begitu aktif dalam lapangan politik kerana bimbang dituduh sebagai komunis dan terpengaruh dengan aliran Kaum Muda. Lihat Mohd Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1961, hlm 3-4.

⁷ Untuk penjelasan lanjut lihat Azmi Saad, Penubuhan dan Pergerakan Politik Melayu Negeri Kedah 1945-1955, dalam *Jebat*, vol 09, 1979.

ekonomi dan pendidikan di bawah pentadbiran British. Pada tahun 1938 Kesatuan Melayu Muda (KMM)⁸ telah ditubuhkan. Kebanyakan ahli jawatankuasa dan ahlinya terdiri daripada golongan guru dan wartawan seperti Ibrahim Haji Yaakob, Hassan Manan dan Ishak Haji Mohamad. Kegiatan-kegiatan berbau politik yang timbul di awal tahun-tahun 1930-an merupakan tanda yang jelas menunjukkan bahawa orang-orang Melayu di Negeri-negeri Melayu telah aktif berpolitik di dalam persatuan-persatuan yang bercorak politik.⁹

Melihat kepada suasana politik yang wujud di negeri-negeri Melayu, timbul beberapa persoalan mengenai perkembangan politik di negeri Perlis. Persoalan yang akan cuba dianalisis dan dihuraikan ialah adakah telah wujud kesedaran politik di negeri Perlis sekitar tahun 1930-an lagi? Jika wujud apakah bentuk gerakan tersebut? Adakah benar bahawa tidak wujud sebarang penentangan terhadap campur tangan kuasa asing di Perlis dan adakah raja dan elit Melayu Perlis merestui pengaruh kuasa asing terhadap negeri Perlis sebelum Perang Dunia Ke-2. Kebangkitan penduduk Perlis dalam menentang pengaruh asing dapat dilihat dengan jelas selepas Perang Dunia Ke-2, dengan kewujudan pertubuhan seperti Persatuan Melayu Perlis, Angkatan Pemuda Insaf, Persatuan Benet Nibong,¹⁰ Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), *United Malays National Organization* (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaya (PAS). Selain itu, persoalan yang perlu dijawab ialah sama ada Kaum Muda berperanan dalam membangkitkan kesedaran kebangsaan di negeri Perlis dan bagaimanakah perkembangan politik di negeri Perlis pasca merdeka. Persoalan mengenai peranan dan kedudukan Raja Perlis, elit Melayu dan

⁸ KMM merupakan pertubuhan yang jelas berjuang untuk mencapai kemerdekaan dan berhasrat untuk melahirkan Indonesia Raya atau Melayu Raya. Lihat William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Universiti Malaya, 2003, hlm 252. Malahan terdapat empat orang ahli KMM yang merupakan ahli Partai Nasional Indonesia yang ditubuhkan pada tahun 1929. Lihat Nicholas Tarling, *Southeast Asia : A Modern History*. Oxford University Press, 2002, hlm 380.

⁹ Rahmat Saripan, "Kegiatan-kegiatan Awal Yang Berbau Politik dan Tumbuhnya Kesatuan Melayu Singapura", dalam *Jebat* (1971/1972), hlm 62.

¹⁰ Buku program "Majlis Pengisahan Sejarah Siri 3," Sejarah Perjuangan Menuju Kemerdekaan di Negeri Perlis.

pertubuhan politik semasa pra dan pasca merdeka di Perlis perlu dikaji dan diteliti dalam memberi penjelasan dan persejarahan negeri Perlis.

Jawapan kepada persoalan-persoalan tersebut akan diperoleh dengan menyelidik perkembangan pembentukan kerajaan Perlis yang dikuasai keluarga Jamalullail sejak kurun ke-19 sehingga perkembangan politik dekad 1970-an yang menunjukkan perubahan peranan Raja, bangsawan dan elit Melayu. Raja, bangsawan dan elit Melayu merupakan subjek utama kajian yang signifikan dalam proses pembinaan dan pengekalan kerajaan Perlis, kesedaran berpolitik, pengekalan kuasa dan pengaruh serta pengukuhan dominasi politik golongan pemerintah iaitu Raja Perlis dan kerajaan UMNO Perlis yang dipimpin oleh elit Melayu. Selain itu, peranan golongan elit agama turut dikaji kerana penglibatan mereka dalam politik dan pentadbiran negeri Perlis yang turut memberi sumbangan kepada pembentukan Undang-undang Tubuh Negeri Perlis dan pembentukan parti politik seperti UMNO dan PAS. Tesis Transformasi Dan Dinamika Elit Di Perlis, Kurun Ke-19 Sehingga 1970-an mengkaji dan menganalisis bagaimana Raja, bangsawan, Elit Melayu berusaha mengekalkan status quo sejak dari proses pembentukan kerajaan Perlis yang dipimpin keluarga Jamalullail sehingga dekad 1970-an.

1.1 Latar belakang kajian

Sejarah Perlis bermula pada tahun 1839 apabila kerajaan Siam memutuskan untuk memecahkan Kedah kepada empat bahagian iaitu Kedah, Kubang Pasu, Setul dan Perlis, yang setiap satunya ditadbir oleh Gabenor yang dilantik oleh Maharaja Siam. Perlis ditadbir oleh Raja Long Krok yang dibantu oleh Syed Hussin Jamalullail. Apabila Raja Long Krok meninggal dunia, Perlis ditadbir oleh Syed Hussin atas perintah maharaja

Siam.¹¹ Tahun 1839 merupakan tahun yang sangat penting bagi jajahan Perlis kerana telah mempunyai unit politik yang tersendiri dengan mempunyai Gabernornya sendiri, yang telah diberi mandat pentadbiran oleh Kerajaan Siam.¹² Perlis berada di bawah jajahan Siam sehingga tahun 1909, dan apabila termeterainya perjanjian Bangkok¹³ antara pihak kerajaan Siam dengan British, Perlis berada di bawah naungan tidak rasmi British.¹⁴ Pada masa ini, pengukuhan identiti kerajaan Perlis diusahakan oleh keluarga Jamalullail yang dibantu oleh golongan pembesar yang di dominasi oleh keluarga Dato' Arau. Hubungan erat raja dan pembesar berjaya mengukuhkan kuasa Raja dan menggagalkan usaha Kedah untuk menyerap semula Perlis ke dalam Kedah.¹⁵

Pada tahun 1930, Perlis secara rasminya telah menjadi negeri naungan British. Pada 28 April 1930, bertempat di Balai Penghadapan Istana Arau, perjanjian bersejarah telah ditandatangani oleh Sir Cecil Clementi Smith, Gabenor Negeri-negeri Selat mewakili kerajaan British dengan Raja Syed Alwi Jamalullail mewakili pihak negeri Perlis. Perjanjian yang termeterai itu telah membawa negeri Perlis sebagai sebuah negeri Melayu yang terakhir bernaung di bawah kerajaan British secara rasmi.¹⁶ Perjanjian Perlis – British 1930 secara tidak langsung telah membenarkan pihak British campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran negeri Perlis. Malahan dalam perkara keempat perjanjian tersebut menunjukkan bahawa pengesahan kepada pelantikan Raja Perlis ialah perkenan daripada

¹¹ Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai Malay Relation*, East Asian Historical Monographs, Singapore, 1988. hlm. 90-92

¹² Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan : Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Yang Berdaulat*, Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis, 1992, hlm 39. Lihat juga Mohd Isa Othman, Hubungan Kesultanan Kedah Dengan Sejarah Perlis Indera Kayangan. Unit Koleksi Negeri Perlis, hlm. 3, dan *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990. hlm. 29-33.

¹³ Perjanjian Bangkok ditandatangani di Bangkok pada 10 Mac 1909. Fasal Pertama Perjanjian menyentuh penyerahan Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, dan pulau-pulau bersebelahan kepada pihak British. Kerajaan Siam menyerahkan kepada Kerajaan British segala hak dan apa-apa jua kekuasaan, naungan, pentadbiran dan kawalan yang dimilikinya ke atas negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan pulau-pulau bersebelahan. Lihat *Perjanjian & Dokumen Lama Malaysia*, Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2008, hlm 50.

¹⁴ Menjadi naungan tidak rasmi kerana pihak British perlu mendapat persetujuan dan tandatangan daripada Raja Perlis.

¹⁵ Perkara ini akan dibincangkan dalam bab 2.

¹⁶ Ahmad Ismail dan Yazid Mat. *Perlis Indera Kayangan*, hlm. 143.

Raja Inggeris.¹⁷ Hal ini terbukti apabila pihak British campur tangan dalam urusan pelantikan bakal pengganti Raja Syed Alwi dengan melantik Syed Putra dan mengetepikan Syed Hamzah.

Bermula tahun 1930-an fokus politik Perlis tertumpu kepada persoalan pelantikan bakal pengganti Raja Perlis serta campur tangan British¹⁸ dalam penentuan Raja Perlis. Walhal sekitar tahun 1930-an telah lahir kesedaran untuk memaju dan membangunkan orang Melayu yang mundur pada zaman pentadbiran British. Kemunculan gerakan Islah¹⁹ di sekitar tahun 1900an dan berkembang pesat sekitar tahun 1920an dan 1930-an sebenarnya mempengaruhi politik dan pentadbiran di negeri Perlis. Tokoh-tokoh gerakan Islah di Perlis ialah Haji Ahmad bin Haji Muhammad, Wan Ahmad bin Wan Daud, Sheikh Ahmad bin Mohd Hashim dan yang paling terkemuka ialah Syeikh Abu Bakar Asshaari. Perkara yang kurang dibincangkan sekitar tahun 1930-an ialah tokoh gerakan Islah Perlis telah menguasai politik dan pentadbiran negeri Perlis. Malahan penentuan bakal pengganti Raja Perlis juga dipengaruhi oleh nasihat daripada tokoh beraliran Islah iaitu Haji Ahmad bin Haji Muhammad.²⁰ Hal ini menunjukkan golongan elit Melayu mempunyai pengaruh yang besar bukan sahaja dalam pentadbiran negeri Perlis, tetapi juga berperanan dalam penentuan bakal raja Perlis.

¹⁷ Perkara ke-empat Perjanjian Perlis – British 1930 menyebut “Pengganti takhta kepada Raja Syed Alwi atau jika sekiranya tiada keturunan baginda secara langsung, maka keturunan daripada nenek moyang Baginda yang di pilih oleh Perlis State Council dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Inggeris, berhak menjadi Raja Negeri Perlis. Maka berwajiblah bagi kerajaan Negeri Perlis memelihara Raja serta kerabat-kerabatnya dengan sempurna daripada hasil perolehan negeri Perlis. Maka maksud kerabat-kerabat itu ialah anak-anak dan cucu Raja keturunan sebelah pihak lelaki.

¹⁸ Untuk keterangan lanjut silat lihat Julie Tang Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*. MBRAS, 2002, hlm. 211-277.

¹⁹ Gerakan Islah merupakan gerakan pembaharuan yang bertujuan ‘membetulkan kefahaman masyarakat Melayu terhadap ajaran Islam dan menjadikan agama Islam sebagai penjana kepada kemajuan ekonomi, sosial, pendidikan dan politik orang Melayu. Mereka juga mengkritik pihak British dan Raja-raja Melayu yang tidak memajukan orang Melayu. Kritikan dan pandangan mereka boleh di lihat dalam majalah *al-imam*, *Pengasuh*, *Neracha* dan *Saudara*. Antara pelopor gerakan Islah terdiri daripada Syeikh al-Hadi, Tahir Jalaluddin dan Dr Burhanudin al-Helmy.

²⁰ Ahmad Ismail dan Yazid Mat. *Perlis Indera Kayangan*, hlm 154. Lihat juga Julie Tang Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis*, hlm 242-265.

Tahun-tahun 1941 hingga 1945 merupakan tempoh masa yang rumit dalam politik negeri Perlis. Pentadbiran Perlis berada di bawah tentera Jepun sehingga tahun 1943 dan sehingga tahun 1945 kembali berada di bawah pentadbiran Siam atau Thailand.²¹ Pemerintahan Jepun walaupun dalam tempoh yang singkat telah memberi kesan yang mendalam dalam sejarah politik pentadbiran negeri Perlis. Pihak Jepun telah campur tangan dalam pelantikan Raja Perlis apabila telah melantik Syed Hamzah sebagai Raja Perlis dengan mengetepikan Syed Putra. Sementara tempoh masa pentadbiran Siam sekitar tahun 1943 hingga tahun 1945 telah mencetuskan kegelisahan rakyat berkenaan sikap pegawai Siam yang tidak berdisiplin dan buruk tingkah laku.²² Ketika ini, golongan elit Melayu tidak begitu berpengaruh dalam pentadbiran negeri apabila pihak Jepun menjalankan pentadbiran ketenteraan.

Malayan Union telah diperkenalkan sekembalinya British ke Tanah Melayu pada tahun 1945, yang mana telah mencetuskan kebangkitan penduduk Tanah Melayu, khususnya orang Melayu. Semangat nasionalisme orang Melayu semakin marak di seluruh Tanah Melayu termasuk di Perlis. Sekitar tahun 1940-an dan awal tahun 1950an lahirnya beberapa pertubuhan seperti Persatuan Melayu Perlis,²³ API, PKMM,²⁴ Persatuan Benet Nibong,²⁵ UMNO²⁶ dan PAS²⁷ di Perlis. Perkembangan politik negeri Perlis dalam tempoh 1945 hingga 1957 memperlihatkan kematangan politik kebangsaan yang bertujuan

²¹ Nama Siam telah ditukar kepada Thailand yang bermaksud tanah bebas selepas kejayaan Revolusi Thai 1932.

²² Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan*, hlm, 171-176.

²³ Pengerusi pertama Persatuan Melayu Perlis ialah Syed Mahzar bin Syed Hussin berdasarkan catatan daripada siri Pengisahan Sejarah Negeri Perlis, tetapi rekod rasmi dalam pendaftaran penubuhannya menyebut bahawa Ustaz Salleh Osman sebagai pengerusi pertama.

²⁴ API dan AWAS merupakan sayap kepada PKMM, API ialah pemuda sementara AWAS ialah pergerakan wanita. Tarikh penubuhan cawangannya di Perlis tidak ditemui, tetapi berdasarkan temu bual dengan aktivis PKMM iaitu Wan Khazim bin Wan Din, API, AWAS dan PKMM memang wujud di negeri Perlis. Temu bual di rumah Wan Khazim di Chuping, pada 9 Februari 2012 pada jam 3.00 petang hingga 4.15 petang.

²⁵ Pemimpin persatuan ini ialah Tuan Syed Mahadi bin Syed Hussin. Buku cenderahati Majlis Pengisahan Sejarah Perlis.

²⁶ UMNO bahagian Perlis ditubuhkan pada 11 Februari 1949. Lihat, Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan*, hlm 193.

²⁷ PAS cawangan Perlis ditubuhkan pada 8 Mei 1952 bersamaan 14 Sya'ban 1371. Lihat Hj Mahamood Mohd Noor, *Catatan Ringkas Perjuangan PAS Di Negeri Perlis 1952 – 1999*, 1999. Tidak diterbitkan.

menuntut kemerdekaan. Perbezaan ideologi dan fahaman nasionalisme menyebabkan matlamat kemerdekaan yang hendak dicapai berbeza. Perlu juga disedari bahawa pengaruh Kaum Muda atau Islah yang muncul lebih awal di Tanah Melayu begitu dominan di negeri Perlis kerana peranan yang dimainkan oleh elit Melayu Perlis, tetapi tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap gerakan kebangsaan dan nasionalisme Melayu di negeri Perlis, khususnya dalam menentang Malayan Union. Elit Melayu Perlis pada ketika ini mempunyai hubungan yang baik dengan pegawai British dan mempunyai pengaruh yang besar dalam pentadbiran negeri Perlis kerana mereka merupakan anggota Majlis Mesyuarat Negeri Perlis.²⁸

Tempoh 1957 hingga 1970-an merupakan tempoh perjuangan untuk kesejahteraan penduduk dan pengukuhan parti-parti politik di negeri Perlis dalam mengisi matlamat kemerdekaan. Dalam tempoh ini, perkembangan aliran sosialis semakin memuncak, namun tidak begitu menyerlah di negeri Perlis. Walaupun muncul Parti Rakyat Malaysia/Parti Sosialis Malaysia cawangan Perlis tetapi tidak mendapat sambutan daripada penduduk negeri Perlis. Sebaliknya pengaruh UMNO dan PAS bertapak kukuh di negeri Perlis.²⁹ UMNO Perlis adalah lanjutan daripada pertubuhan politik pertama di negeri Perlis iaitu Persatuan Melayu Perlis yang berideologi nasionalisme Melayu. Sementara PAS cawangan Perlis diasaskan oleh aktivis PKMM Perlis bersama guru-guru pondok. Pencapaian pilihan raya tahun 1955 hingga 1978 menjadi petunjuk yang signifikan kepada perkembangan pengaruh masing-masing di Perlis. Penglibatan elit Melayu dalam penubuhan UMNO dan menggerakkan UMNO di Perlis berjaya mengekalkan dominasi UMNO dalam pentadbiran Perlis walaupun ada saingan daripada PAS yang dipimpin oleh tokoh-tokoh agama.

²⁸ Antaranya seperti Sheikh Ahmad Mohd Hashim, Haji Ahmad Mohammad Nor, dan Wan Ahmad Wan Daud.

²⁹ Berdasarkan analisis pilihan raya 1955 hingga 1978.

Berdasarkan perkembangan politik Perlis sejak kurun ke-19 hingga dekad 1970-an seperti yang dinyatakan di atas, fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana golongan pemerintah dan elit Melayu berperanan dalam mengekalkan kewujudan kerajaan Perlis dan sumbangan mereka kepada kesedaran politik masyarakat Melayu Perlis. Pergerakan dan perkembangan parti-parti politik yang muncul di negeri Perlis sekitar tahun 1940-an hingga 1970-an turut dikaji. Selain itu, kesedaran awal nasionalisme di negeri Perlis sekitar tahun 1930-an dan peranan tokoh-tokoh Islah Perlis dalam politik pentadbiran negeri Perlis turut dibincangkan. Kajian turut melihat bagaimana elit Melayu mengukuhkan pengaruh mereka dalam pentadbiran negeri Perlis dan berperanan dalam mencetus kesedaran kebangsaan menentang Malayan Union. Sejarah kemunculan negeri Perlis dan pentadbiran beraja di negeri Perlis turut dikaji secara ringkas memandangkan ia mempunyai hubungan signifikan dengan asas taat setia rakyat terhadap Raja Perlis dan elit Melayu. Tradisi taat setia orang Melayu³⁰ turut mempengaruhi cara dan tindakan kuasa asing dalam mentadbir Perlis. Taat setia orang Melayu juga menyumbang kepada dominasi elit Melayu dalam kepimpinan UMNO Perlis pada awal penubuhannya dan pengukuhan pengaruh UMNO di negeri Perlis.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana golongan pemerintah dan elit Melayu berperanan dalam mengekalkan kewujudan kerajaan Perlis dan sumbangan mereka kepada kesedaran politik masyarakat Melayu Perlis serta perkembangan politik Perlis sehingga

³⁰ Penjelasan mengenai tradisi taat setia orang Melayu boleh dirujuk kepada tulisan Chandra Muzaffar, *Pelindung?*, Aliran Kesedaran Negara, Kuala Lumpur, 1992 dan J.M. Gullick, *Sistem politik bumiputera Tanah Melayu Barat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978.

tahun 1970-an. Dalam tempoh kurun ke-19 hingga dekad 1970-an, terdapat ragam perkembangan politik yang berbeza di mana dalam tempoh 1839 hingga 1930 adalah zaman kewujudan Perlis dan usaha mengekalkan kedaulatan kerajaan Perlis. Sepanjang Tempoh tersebut, keluarga Jamalullail membina hubungan yang baik dengan kerajaan Siam dan Penasihat British dalam menghadapi ancaman daripada kesultanan Kedah yang berhasrat menyerap semula Perlis ke dalam pentadbiran Kedah.

Dekad 1930-an hingga 1940-an merupakan tempoh membina identiti politik Perlis. Dalam tempoh ini, Raja dan elit Melayu mengukuhkan pengaruh dan kedudukan dengan 'bekerjasama' dengan kuasa asing. Pada peringkat ini, gerakan Islah telah berkembang dengan pesat di negeri Perlis dan mempengaruhi politik dan pentadbiran negeri Perlis tetapi tidak menyumbang kepada kesedaran kebangsaan kerana tokoh Islah "di kawal" rapat oleh elit Melayu. Dalam tempoh ini juga, Perlis dikuasai Jepun (1941 – 1943) yang mengamalkan dasar pemerintahan berpaksikan negara Jepun. Dalam tempoh yang singkat ini, Perlis dikembalikan kepada pentadbiran Siam pada tahun 1943 sehingga tahun 1945. Semasa pentadbiran Jepun dan Siam tokoh-tokoh Islah yang berpengaruh telah diketepikan daripada pentadbiran negeri Perlis. Sementara tempoh 1945 hingga 1970-an merupakan tempoh kemunculan pertubuhan politik dan perkembangan parti-parti politik seperti PMPs, PKMM, PAS dan UMNO. Pada peringkat ini, Malayan Union telah menyumbang kepada kesedaran nasionalisme Melayu dan "perpaduan politik" orang Melayu di Perlis. Golongan elit Melayu bersama intelektual agama berperanan menggerakkan penentangan terhadap Malayan Union dan menubuhkan pertubuhan politik di negeri Perlis. Sementara pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memisahkan gerakan politik Melayu

di negeri Perlis iaitu PKMM Perlis (dipimpin oleh intelektual Melayu) dan PMPs (dipimpin oleh elit Melayu).

Kajian ini juga cuba menganalisis peranan pertubuhan politik yang muncul di negeri Perlis selepas perang dunia kedua. Bermula dengan PMPs dan Persatuan Benet Nibong yang lebih bersifat pertubuhan sosial kebajikan berkembang menjadi pertubuhan politik di mana pertubuhan ini menyumbang kepada kelahiran UMNO di Perlis. Selain itu terdapat juga pertubuhan radikal seperti PKMM dan API yang diharamkan oleh kerajaan British pada tahun 1948, kemudiannya membawa kepada lahirnya parti politik yang berlandaskan Islam seperti PAS yang mewarnai arena politik di Perlis. UMNO yang dipimpin oleh elit Melayu dan PAS yang ditubuhkan oleh intelektual agama, merupakan pertubuhan politik yang dominan di Perlis kerana kedua-duanya mempunyai pengaruh dan sokongan yang kuat daripada orang Melayu Perlis.

Kajian ini juga akan mengkaji mengenai perkembangan politik dan pentadbiran negeri Perlis selepas merdeka sehingga tahun 1970-an. Bermula dengan pilihan raya 1955 hingga kepada pilihan raya 1964 dengan melihat kepada persaingan parti politik yang wujud di negeri Perlis terutamanya UMNO dan PAS. Pada peringkat ini, perbincangan difokuskan kepada matlamat perjuangan dan pengaruh masing-masing terhadap rakyat negeri Perlis. Malahan PAS merupakan parti yang berpengaruh di negeri Perlis dan pesaing utama kepada UMNO dalam beberapa siri pilihan raya sejak tahun 1955 hingga tahun 1964. Kajian turut memberi penelitian khusus terhadap pilihan raya 1969 yang membawa kepada kemunculan kerajaan campuran. Penjelasan mengenai pembentukan Barisan Nasional dan kemerosotan pengaruh PAS di bincang bersama pilihan raya 1974 dan 1978. Tempoh pilihan raya 1955 hingga 1969 pengkaji turut membincangkan

pentadbiran kerajaan UMNO di bawah pimpinan Sheikh Ahmad. Kajian ini juga akan cuba menganalisis faktor-faktor mengapa Parti Rakyat tidak mendapat sambutan daripada penduduk negeri Perlis walaupun Parti Rakyat dan Parti Buruh telah bersatu dalam *Malayan People Socialist Front (SF)* pada tahun 1957.

1.3 Permasalahan Kajian

Penulisan sejarah Perlis belum lengkap dan masih banyak bahagian yang tidak dikaji. Sejarah Perlis hanya dikaji dari sudut perkembangan pentadbiran dan pengukuhan kuasa Raja Perlis. Tumpuan yang luas diberikan kepada usaha dan kebijaksanaan golongan pemerintah Perlis untuk “melepaskan ikatan” daripada negeri asalnya iaitu Kedah. Kejayaan melepaskan ikatan daripada pengaruh Kedah diangkat sebagai kejayaan membentuk negeri Perlis yang berdaulat dan berautonomi. Walhal dalam tempoh masa 1839 hingga 1957, Perlis sebenarnya tidak merdeka malah berada di bawah pengaruh Siam, Jepun dan British. Walaupun penting untuk mengetahui sejarah kemunculan Perlis sebagai negeri “serpihan” daripada Kedah, tetapi sejarah politik Perlis, khususnya dalam tempoh masa pentadbiran British tidak wajar diabaikan. Malahan sejarah politik Perlis hari ini adalah kelangsungan daripada perjuangan rakyat Perlis yang dirintis oleh kumpulan elit Melayu melalui pertubuhan politik seperti PMPs, PKMM, PAS dan UMNO untuk merdeka membentuk kerajaan di negeri Perlis.

Walaupun wujud pergerakan politik seperti PMPs, PKMM, UMNO dan PAS di Perlis sebelum merdeka, tetapi tidak mengundang minat pengkaji sejarah untuk mengkaji sejarah politik Perlis. Sejarah politik Perlis seolah-olah tidak memberi makna dan impak yang besar kepada perkembangan politik di Semenanjung Tanah Melayu. Negeri Perlis

seolah-olah dilupakan dalam pengkajian sejarah perkembangan nasionalisme menentang penjajahan British di Tanah Melayu. Malah tidak ada kebangkitan rakyat Perlis yang ditulis oleh pengkaji sejarah. Keadaan ini memperlihatkan hipotesis awal yang memberi gambaran seolah-olah tiada penglibatan rakyat Perlis dalam memperjuangkan kemerdekaan dan elit pemerintah menerima kehadiran British. Penglibatan orang Melayu Perlis menentang Malayan Union disingkap secara ringkas tanpa menyentuh pergerakan pertubuhan politik yang tersusun. Kemunculan UMNO secara “tiba-tiba” dalam penulisan sejarah Perlis menyebabkan tiada catatan sejarah yang lengkap mengenai UMNO Perlis.

Perkembangan gerakan Islah yang membawa kepada konflik Kaum Muda dan Kaum Tua pesat berkembang di Tanah Melayu sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Perlis merupakan negeri yang paling kuat menerima pengaruh gerakan Islah sekitar tahun 1930-an³¹ sehingga Perang Dunia Kedua. Malangnya tidak ada kajian dan penulisan yang menyentuh secara terperinci mengenai pengaruh gerakan Islah dalam politik dan pentadbiran Perlis. Penulisan mengenai gerakan Islah di Perlis lebih berfokus kepada pembaharuan dalam perkara-perkara ibadat dalam agama Islam sahaja. Persoalan seperti sejauh manakah gerakan Islah yang muncul di Perlis mempengaruhi kesedaran nasionalisme awal dalam kalangan penduduk Perlis tidak pernah dibangkitkan oleh mana-mana pengkaji sejarah. Rumusan umum bahawa gerakan Islah menyumbang kepada kesedaran politik Tanah Melayu tidak boleh dijadikan petunjuk bahawa gerakan Islah dan Kaum Muda menyumbang kepada kebangkitan dan kesedaran nasionalisme rakyat Perlis, kerana belum ada kajian yang dibuat mengenainya.

³¹ Lihat Mohd Radzi Othman dan O. K Rahmat, *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*. USM, 1996. hlm 96-143. Lihat juga Abdul Rahman Hj Abdullah, *Gerakan Islah di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*, Penerbitan Pena, Kuala Lumpur, 1989.

Pergerakan politik Perlis pra-merdeka dan pasca-merdeka juga tidak pernah ditulis seolah-olah tiada kelangsungan perkembangan dan persaingan politik di negeri Perlis. Perlis dilihat sebagai negeri yang di dominasi UMNO dan parti politik seperti PAS dan PRM tidak begitu berpengaruh. Walhal, telah wujud konflik dan persaingan politik di negeri Perlis terutamanya antara UMNO dan PAS sejak tahun 1950an. PAS walaupun tidak pernah berjaya membentuk kerajaan tetapi mempunyai kekuatan dan pengaruh sehingga hampir menggugat kedudukan UMNO Perlis pada pilihan raya 1969. Keupayaan PAS untuk bertahan dan menjadi persaingan kepada UMNO menunjukkan bahawa negeri Perlis juga mempunyai ragam politik yang menarik untuk dikaji dan ditulis. Pengekalan PAS sebagai parti yang berpengaruh dan perseimbangan kepada kerajaan Perikatan Perlis tidak wajar diabaikan dalam penulisan Sejarah Perlis.

Sejarah Perlis seolah-olah kaku, tidak dinamik di mana golongan pemerintah dan elit Melayu hanya berfungsi dalam urusan pentadbiran tanpa menghiraukan perkembangan politik yang sedang berlaku di Tanah Melayu. Walhal, mereka merupakan golongan yang berpendidikan dan berpengaruh dalam masyarakat Melayu. Fungsi dan peranan mereka dalam menggerakkan kesedaran berpolitik terhadap masyarakat Melayu tidak harus diabaikan dalam pengkajian dan penulisan Sejarah Perlis. Malahan mereka juga berperanan aktif dalam pertubuhan-pertubuhan politik seperti PMPs, PKMM Perlis, UMNO dan PAS.

1.4 Metodologi

Pengkajian Transformasi Dan Dinamika Elit Di Perlis Kurun Ke-19 Hingga 1970-an adalah bersifat penyelidikan mikro mengenai negeri Perlis. Kajian ini merupakan

penyelidikan kualitatif berbentuk historiografi atau kajian persejarahan. Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati.³² Mengikut Patton, Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data sebagai mana berikut;

- (a) Hasil pemerhatian: huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan.
- (b) Hasil pembicaraan: kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temu bual mendalam.
- (c) Bahan tertulis: petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.³³

Ketiga-tiga langkah di atas dilaksanakan dalam mengumpul maklumat kajian seterusnya membuat penganalisan dan penyaringan fakta dalam membina persejarahan Perlis seperti mana yang dinyatakan dalam objektif kajian.

Pengumpulan data dan maklumat kajian melibatkan penyelidikan perpustakaan dengan memberi fokus kepada dokumen awalan seperti koleksi John Hamer, catatan peribadi tokoh, fail SUK Perlis dan Kedah, minit mesyuarat PAS dan UMNO Perlis, laporan suruhanjaya pilihan raya 1959 – 1978. Koleksi John Hamer meliputi beberapa fail sulit seperti Fail 2 berkenaan komunis di Perlis, Fail 3 berkenaan Memorandum Sulit melibatkan negeri Perlis (Sebelum Perjanjian Perlis – British 1930), Fail 4 berkenaan Perjanjian Perlis – British 1930, Fail 5 berkenaan Diari Sheikh Ahmad dan Fail 6

³² Lihat perbincangan Bogdan dan Taylor dalam *Pengantar Metode Penelitian Kualitatif*, Usaha Nasional, Surabaya, 1984, hlm 47

³³ M. Q. Patton, *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.), CA: Sage Publications Inc, Newbury Park, 1990, hlm 68 – 69.

berkenaan Persatuan Sulit di Perlis dan tokoh politik Perlis. Selain itu laporan akhbar dan kajian berkenaan pilihan raya 1955 – 1978 turut diteliti khususnya yang melibatkan negeri Perlis.

Kaedah penyelidikan kepustakaan dilaksanakan adalah bertujuan mengumpul data-data dan maklumat yang diperlukan dan kemudiannya penulis menganalisis bahan-bahan tersebut untuk menghasilkan disertasi ini. Sumber juga diperoleh daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku dan jurnal. Surat khabar dan majalah sezaman terutamanya sekitar tahun 1930-an hingga 1970-an seperti *Warta Malaya*, *Utusan Melayu*, *Berita Harian*, *Majlis*, dan *Suara UMNO* diteliti untuk memperoleh maklumat kajian. Selain itu Majalah seperti *Warisan Indera Kayangan* turut dirujuk. Turut juga dirujuk artikel-artikel berkenaan sejarah negeri Perlis dan Kedah daripada majalah ilmiah, kertas kerja seminar, kolokium dan tesis. Pengkaji turut merujuk bahan-bahan Koleksi Indera Kayangan di Perpustakaan Awam Kangar, Perlis yang merupakan rujukan yang penting dalam kajian ini. Surat-surat persendirian yang tersimpan di Arkib Negara Kuala Lumpur dan Arkib Negara cawangan Kedah berkaitan tajuk kajian juga dirujuk dalam mengumpul maklumat mengenai sejarah politik Perlis.

Sumber-sumber pertama merupakan dokumen rasmi tidak bercetak antaranya seperti catatan-catatan ringkas, fail-fail, minit mesyuarat dan surat-surat persendirian yang diperoleh daripada Pejabat PAS Negeri Perlis, pejabat perhubungan UMNO Perlis, dan orang perseorangan. Selain itu surat-surat persendirian seperti sejarah Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd Hashim dan Surat menyurat Sultan Abdul Hamid akan digunakan juga. Sementara dokumen rasmi yang bercetak seperti Salasilah Perlis, *Report of the Adviser To*

The Perlis Government 1909 -1948 dan *Report on the Census of Kedah and Perlis* turut dirujuk di samping sumber primer yang lain.

Selain itu, temu bual juga dijalankan dengan tokoh-tokoh tertentu yang boleh memberikan maklumat yang berguna. Pengkaji melakukan temu bual dengan tokoh yang terlibat secara langsung mengkaji sejarah Perlis seperti Dato' Yazid bin Mat pengarang buku *Perlis Indera Kayangan, Sejarah Pembentukan Negeri Berdaulat*. Selain itu, pengkaji juga menemu bual tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dengan politik Perlis seperti Bakri Ali (bekas Ketua Pemuda PAS Perlis), Wan Khazim Wan Din aktivis PKMM dan PRM / PSM, Dato' Radzi Sheikh Ahmad (anak Sheikh Ahmad), Saad Man (bekas calon PSM dan wartawan Berita Harian), Ustaz Yahya bekas Setiausaha PAS Kawasan Kangar, dan Johari Adnan anak kepada pengasas PAS Perlis. Temu bual adalah penting bagi mengumpul maklumat sokongan dalam menyusun penulisan disertasi ini. Malahan amat berguna dalam memberi gambaran awal mengenai perkembangan politik di negeri Perlis.

Maklumat dan bahan kajian yang diperoleh dianalisis secara terperinci dan di bincang secara kritis bagi memperoleh satu dapatan kajian yang baik dan boleh dimanfaatkan oleh semua pihak.

1.5 Pembahagian Bab Kajian

Penulisan disertasi mempunyai tujuh bab, di mana bab pertama merupakan pengenalan kepada penyelidikan ini. Sementara bab kedua, Politik Pendukung Raja (Abad Ke-16 hingga Abad Ke-19) menyentuh secara ringkas berkenaan dengan sejarah kelahiran Perlis dan menghuraikan secara mendalam bagaimana Perlis terpisah daripada wilayah

asalnya iaitu Kedah. Kajian juga menyentuh mengenai kemunculan “keluarga Jamalullail” yang menjadi Pemerintah Perlis serta usaha pengukuhan kerajaan Perlis melalui persubahatan dengan kuasa asing. Sementara bab ketiga, Politik Penjajahan (Abad ke-19 hingga 1945) membincangkan kesedaran politik yang muncul kesan penjajahan British dan Jepun. Fokus kajian juga tertumpu kepada pengukuhan elit Melayu Perlis dan peningkatan kawalan British terhadap Perlis. Kandungan Perjanjian Perlis-British 1930-an dianalisis untuk melihat kesan ke atas kuasa Raja dan elit Melayu Perlis. Kemunculan pertubuhan sulit yang mempunyai hubungan dengan pemerintah dan pengaruh gerakan Islah terhadap kesedaran politik Melayu turut diperbahaskan dalam bab tiga.

Pada bab ke-empat, Politik Anti Kolonialisme : Persatuan Politik (Tahun 1945 - 1948) akan disentuh mengenai zaman pentadbiran Bintang Tiga (MPAJA) dan Tentera British (BMA) serta reaksi penduduk Perlis terhadap rancangan Malayan Union. Kajian juga tertumpu persatuan bersifat politik Perlis yang muncul sebelum merdeka iaitu PMPs, PKMM dan cawangan pemudanya iaitu API serta secara ringkas mengenai Persatuan Benet Nibong sebagai reaksi penentangan orang Melayu Perlis terhadap Malayan Union. Tempoh ini juga memperlihatkan bagaimana elit Melayu berusaha membangunkan kesedaran politik dalam usaha menolak pelaksanaan Malayan Union. Pada bab yang kelima, Kelahiran Parti Politik Perlis : PAS dan UMNO (1948 – 1950an) menyentuh mengenai perpecahan gerakan politik Melayu Perlis kesan daripada perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 serta kemerosotan pengaruh PKMM di Perlis. Perkara ini telah membawa kepada kewujudan PAS Perlis. Sementara itu PMPs diserap menjadi UMNO pada tahun 1949. Kajian juga akan menyingkap mengenai kedudukan elit UMNO dalam pentadbiran kerajaan Perlis di bawah Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam bab keenam, Politik Pilihan Raya, Perkembangan dan Persaingan UMNO dan PAS (1955 hingga 1970-an). Kajian mengenai pilihan raya di negeri Perlis dan parti-parti yang bertanding. Keputusan pilihan raya dijadikan instrumen kajian untuk mengukur pengaruh parti-parti politik Melayu yang pernah muncul di negeri Perlis terutamanya UMNO dan PAS. Kajian akan membincangkan senario pilihan raya tahun 1955 hingga 1964 yang melibatkan perkembangan pengaruh PAS yang dipimpin golongan agama dalam menggugat kedudukan UMNO Perlis yang dipimpin elit Melayu. Pilihan raya 1969 melihat bagaimana PAS telah mencapai puncak kegemilangannya dalam arena politik Perlis dan hampir berjaya menewaskan UMNO. Pilihan raya 1974 dan 1978 menyingkap pengukuhan kuasa UMNO dan kemerosotan pengaruh PAS. Selain itu, akan disentuh juga mengenai manifesto parti masing-masing semasa pilihan raya, kesan pembentukan kerajaan campuran dan penyertaan PAS dalam komponen Barisan Nasional terhadap UMNO dan PAS Perlis.

Bab ketujuh merupakan kesimpulan mengenai kajian Transformasi dan Dinamika Elit Perlis Kurun ke-19 hingga tahun 1970-an. Rumusan menyeluruh mengenai ‘tradisi taat setia orang Melayu’ yang mempengaruhi politik dan pentadbiran Perlis. Kedudukan Raja Melayu, elit Melayu, kuasa asing dan pertubuhan politik Melayu mempunyai hubungan yang signifikan dengan “tradisi taat setia orang Melayu” yang mewarnai ragam politik dan pentadbiran Perlis.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini bertujuan melihat pengaruh peranan elit Melayu dalam sejarah politik Perlis bermula dari Kurun ke-19 hingga tahun 1970-an. Fokus utama kajian ialah untuk

melihat pengaruh elit Melayu dalam pentadbiran dan perkembangan parti-parti politik yang wujud di negeri Perlis seperti PMPs, PKMM, UMNO dan PAS. Keputusan pilihan raya 1955 – 1978 di negeri Perlis turut dikaji dan dianalisis untuk melihat perkembangan pengaruh UMNO, PRM dan PAS yang berbeza ideologi di Perlis.

Tempoh kajian dipilih adalah dari kurun ke-19 hingga 1970-an kerana ia merupakan tempoh peralihan yang cukup signifikan dalam sejarah politik negeri Perlis. Kurun ke-19, merupakan detik kelahiran Perlis, apabila Perlis telah dipisahkan daripada Kedah. Kurun ke-19 juga memperlihatkan bagaimana keluarga Jamalullail yang berasal dari keturunan ahlul bait telah diangkat sebagai pemerintah dan pewaris bagi kerajaan Perlis oleh Siam dalam usaha Siam mengukuhkan pengaruhnya di wilayah selatan. Dalam tempoh ini juga, kita dapat melihat bagaimana keluarga Jamalullail sedaya upaya mengekalkan kedaulatan kerajaan Perlis daripada diserap semula ke dalam pentadbiran Kedah. Langkah yang diambil oleh Raja Perlis ialah menjalin hubungan yang erat dengan negeri penaung iaitu Siam.

Pada tahun 1930, Perlis secara rasminya telah menjadi negeri naungan British. Dekad 1930-an juga merupakan tempoh masa perkembangan pesat gerakan Islah di negeri Perlis. Malahan sekitar tahun-tahun 1930-an telah wujud kesedaran untuk membangunkan ekonomi, pendidikan dan sosial orang Melayu di negeri-negeri Melayu. Sementara sekitar tahun 1940-an, teretusnya semangat nasionalisme kesan daripada pelaksanaan Malayan Union yang membawa kepada kemunculan pertubuhan politik yang memperjuangkan kemerdekaan seperti PKMM dan UMNO. Di Perlis telah muncul cawangan PKMM dan sayapnya iaitu API serta Persatuan Melayu Perlis yang membawa kepada kelahiran UMNO cawangan Perlis. Sementara parti bersifat Islam iaitu PAS muncul pada tahun 1952

di negeri Perlis. Dalam tempoh tersebut, elit Melayu berperanan dalam membangunkan kesedaran politik masyarakat Melayu Perlis.

Tempoh kajian dilanjutkan sehingga tahun 1970-an, kerana pada tahun 1974 PAS bersama Barisan Nasional bertanding dalam pilihan raya pada peringkat persekutuan dan negeri. Penyertaan PAS ke dalam Perikatan pada tahun 1972, apabila kerajaan campuran Perikatan-PAS secara rasmi pada 22 Disember 1972 melibatkan peringkat negeri dan persekutuan.³⁴ Barisan Nasional (BN) telah didaftarkan pada 1 Jun 1974, iaitu kira-kira 80 hari sebelum pilihan raya umum kelima Malaysia diadakan.³⁵ Pada pilihan raya 1974, Barisan Nasional tidak menghadapi masalah untuk memenangi kesemua 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 2 kerusi Parlimen di negeri Perlis.

Dekad 1970-an juga merupakan tahun-tahun yang signifikan kepada kemerosotan pengaruh PAS dan pengukuhan UMNO Perlis kesan daripada pembentukan kerajaan campuran dan Barisan Nasional. Dekad 1970-an juga merupakan tahun peralihan kepimpinan UMNO Perlis, apabila Sheikh Ahmad yang mengetuai kepimpinan lama UMNO diundurkan oleh kepimpinan baharu UMNO yang diketuai oleh Jaafar Hassan pada tahun 1971. Pengunduran Sheikh Ahmad menandakan berakhirnya era kepimpinan elit konservatif dalam UMNO apabila kumpulan baharu bukan dari elit konservatif tetapi merupakan golongan profesional seperti guru dan peguam.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting memandangkan belum ada kajian yang memfokuskan kepada sejarah Politik Perlis. Sejarah politik Perlis merungkaikan persoalan sama ada wujud atau

³⁴ *Straits Times*, 10 Disember 1972, *Straits Times* 23 Disember 1972.

³⁵ Hasrom Haron, *Barisan Nasional : Selayang Pandang Tentang Konsep dan Perkembangannya. Jebat*, 1975, hlm 89.

tidak pertubuhan politik di negeri Perlis dalam gerakan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Kewujudan pertubuhan politik di Perlis menandakan adanya kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat Melayu Perlis. Elit pemerintah dan intelektual Melayu berperanan dalam menggerakkan penentangan terhadap pentadbiran British, khususnya dalam pelaksanaan Malayan Union.

Kajian ini juga penting dalam menjelaskan sama ada gerakan Islah menyumbang atau tidak menyumbang kepada kebangkitan orang Melayu menentang penjajahan kuasa asing di Perlis. Penjelasan mengenai gerakan Islah Perlis akan memperlihatkan bagaimana Islah hanya berlaku dalam lingkungan persoalan khilafiah dan amal ibadat dalam Islam. Malahan Islah Perlis digerakkan oleh elit Melayu yang bekerjasama pihak British. Hal ini memperlihatkan wujudnya perbezaan antara gerakan Islah di negeri Perlis dengan negeri Melayu yang lain di mana gerakan Islah dilihat sebagai pemangkin kepada kesedaran nasionalisme Melayu.

Kajian ini juga menjelaskan perkembangan sejarah politik Perlis selepas perang dengan membahaskan sejarah kemunculan parti-parti politik seperti UMNO dan PAS di negeri Perlis. Perkara ini dapat mengisi kekosongan dalam sejarah politik Perlis kerana belum ada kajian yang membicarakan mengenai kelahiran UMNO dan PAS di negeri Perlis. Tambahan pula perkembangan politik Perlis selepas merdeka adalah kelangsungan daripada pergerakan politik sebelum merdeka iaitu PMPs dan PKMM.

Kajian mengenai sejarah politik dan pentadbiran Perlis juga penting untuk membuktikan bahawa wujud pertalian yang erat antara golongan pemerintah dengan rakyat melalui tradisi taat setia orang Melayu. “Tradisi taat setia” orang Melayu sebenarnya

menyumbang kepada pengukuhan kedudukan elit Melayu dan kejayaan UMNO Perlis sehingga tahun 1970-an.

Akhirnya kajian ini penting sebagai sumbangan kecil pengkaji dalam menambah khazanah ilmu dalam bidang sejarah, khususnya sejarah Perlis yang kurang dikaji. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pengkaji seterusnya dalam merungkaikan sejarah negeri Perlis bagi mendapat gambaran sebenar mengenai persejarahan negeri Perlis.

1.8 Konsep Elit dan Elit Melayu

Istilah elit sebenarnya berasal dari kata latin *eligere* yang bermaksud “memilih”.³⁶ Perkataan 'elit' yang pertama muncul dalam ensiklopedia yang diterbitkan di Perancis antara 1751 dan 1772 dan disunting oleh Denis Diderot (*Encyclopédie, ou dictionnaire raisonné des sciences, des arts et des metiers*). Ensiklopedia tersebut menunjukkan bahawa perkataan elit pada asalnya digunakan untuk menggambarkan yang indah, *top-of-the-line* produk dan penggunaannya telah dikembangkan kepada menetapkan keahlian dalam kumpulan sosial unggul (*'hommes d'elit'*).³⁷ Pareto³⁸ menyatakan bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan dan kapasiti yang berbeza. Kumpulan yang mempunyai keupayaan dan kemampuan yang paling tinggi disebut elit. Pareto menjelaskan bahawa dalam masyarakat kebiasaannya akan terdapat dua jenis lapisan iaitu lapisan yang rendah iaitu bukan elit, yang tidak mempunyai pengaruh dalam pemerintahan dan kedudukan dalam

³⁶ T. B. Bottomore, *Elites And Society*, Penguin Books, Harmondsworth, 1966, hlm 1.

³⁷ Philipp Korom, Elites: History of the Concept, In book: *The International Encyclopedia of Social and Behavioral Sciences*, Editors: James D. Wright, Publisher: Elsevier, 2015, hlm 390-395.

³⁸ Vilfredo Pareto, lahir 15 Julai 1848 di Paris. Berhijrah ke Itali pada tahun 1858 dan menjadi warganegara Itali. Meninggal dunia pada 19 Ogos 1923, Geneva, Switzerland. Seorang ahli ekonomi dan ahli sosiologi yang terkenal. Teori beliau dalam bidang sosiologi yang terkemuka ialah teori kitaran sosial yang menjadi rujukan sehingga hari ini. Maklumat lanjut rujuk Luigi Amoroso, Vilfredo Pareto, *Econometrica*, Vol. 6, No. 1 (Jan., 1938), hlm. 1-21, Joseph A. Schumpeter, Vilfredo Pareto (1848-1923), *The Quarterly Journal of Economics*, Vol. 63, No. 2 (May, 1949), hlm. 147-173, J. Higley, *Elite theory in political sociology*, University of Texas at Austin, 2008, John Higley and Jan Pakulski, *Pareto's Theory of Elite Cycles: A Reconsideration and Application*, University of Texas at Austin, 2008 dan Alan Zuckerman, The Concept "Political Elite": Lessons from Mosca and Pareto, *The Journal of Politics*, Vol. 39, No. 2 (May, 1977), hlm. 324-344.